

23 APR 2001

MAHATHIR-RMK8 (PENGURUSAN)

BUMIPUTERA YANG BERBAKAT DIKENALPASTI UNTUK DIBERI LATIHAN

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah akan diambil bagi mengenalpasti mereka yang berbakat untuk diberi latihan intensif dalam bidang pengurusan kewangan dan perusahaan.

Katanya, ini bertujuan untuk menyemai etika yang sesuai dengan kejayaan perniagaan mereka selaras dengan usaha membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Dr Mahathir berkata hanya mereka yang sanggup melalui kursus berkenaan sahaja yang akan diberi peluang, lesen, pinjaman modal dan sebagainya.

"Jika terdapat mereka yang menyalahgunakan peluang atau wang, mereka akan disenarai hitamkan. Kaum Bumiputera perlu memberi perhatian yang serius terhadap pembentukan MPPB," katanya ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMK-8) di Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Ia bukan satu skim untuk cepat kaya tetapi ia adalah usaha yang serius ke arah penyusunan semula masyarakat bagi mengimbangkan kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera di Malaysia, kata Dr Mahathir.

Menurutnya, program latihan keusahawanan akan dipergiatkan bagi membolehkan usahawan Bumiputera menghadapi cabaran globalisasi dan menggunakan lebih banyak kandungan pengetahuan dalam aktiviti mereka.

Program ini akan memberi penekanan kepada penyediaan usahawan Bumiputera yang lebih berdikari, berdaya saing dan mengamalkan etika perniagaan yang baik, katanya.

Di samping itu, program latihan berkenaan akan memupuk nilai positif seperti amanah, rajin dan disiplin yang merupakan sifat penting untuk melahirkan usahawan Bumiputera yang berjaya dan berdaya tahan.

Dr Mahathir berkata, justeru, Institut Keusahawanan Negara (IKN) akan ditubuhkan sebagai pusat untuk menjalankan perancangan strategik mengenai keusahawanan, risikan pasaran, penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan kurikulum, rangkaian perniagaan dan kaunseling.

Perdana Menteri juga berkata bagi menggalakkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), sebuah Majlis ICT Bumiputera akan ditubuhkan bagi merancang dan merangka agenda ICT Bumiputera.

Katanya, agenda itu akan merangkumi strategi untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai peluang-peluang dalam industri ICT serta melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera dalam bidang berkenaan, mengadakan aksesibiliti kepada modal dan maklumat pasaran yang lebih baik serta mewujudkan hubungan pasaran di peringkat antarabangsa.

Selain daripada ICT, Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam industri strategik dan berteknologi tinggi seperti bioteknologi, petrokimia dan komunikasi.

-- BERNAMA

MKO ZK OS